

16 FEB 2001
ISIS-GLOBAL
PM AKAN LANCAR FORUM GLOBALISASI

KUALA LUMPUR, 16 Feb (Bernama) -- Pembentukan Tabung Kewangan Asia (AMF) akan menjadi antara topik yang diperbincangkan pada Persidangan Antarabangsa mengenai Globalisasi selama dua hari yang diadakan di sini bermula pada 26 Februari.

Mengumumkan perkara ini dalam sidang akhbar di sini, hari ini untuk mengumumkan mengenai mesyuarat itu, pengerusi dan CEO Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS), Tan Sri Dr Noordin Sopiee berkata penubuhan AMF penting bagi menangani keperluan ekonomi dan kewangan rantau Asia secara khususnya kerana ianya berbeza daripada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) yang tidak dapat menumpukan kepada isu-isu penting rantau Asia kerana skop global dan ciri-ciri tanggungjawabnya.

Beliau menegaskan krisis ekonomi yang melanda rantau Asia pada 1997/98 mungkin boleh dielakkan jika AMF beroperasi pada ketika itu.

Noordin menambah, beliau berharap dapat melihat penyertaan yang sama rata ketua-ketua Asia dalam menyokong AMF daripada hanya bergantung kepada Jepun semata-mata untuk menerajui usaha itu.

"Terdapat negara-negara di Asia seperti Singapura, Korea Selatan dan China yang mempunyai rizab asing besar beserta sumber dan kebijaksanaan untuk memainkan peranan pro-aktif dalam menerajui ekonomi-ekonomi Asia dan begitu juga kita di Malaysia boleh memainkan peranan penting yang sama," katanya.

Noordin menyatakan globalisasi tidak memberi manfaat kepada segenap lapisan masyarakat dan terdapat pihak yang menang dan pihak yang kalah. Ini boleh diambil contoh dalam sektor pertanian di mana petani-petani daripada negara-negara miskin dan membangun tidak dapat bersaing dengan cekap dengan petani-petani yang memperolehi subsidi di negara-negara maju.

Persidangan itu yang dianjurkan oleh Kementerian Kewangan dan ISIS akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan menyampaikan ucap-tama dan mengadakan dialog dengan peserta sebelum sesi pertama.

Antara penceramah yang akan menyertai persidangan itu termasuklah Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak. -- BERNAMA

CL SEL ZK OS